

Orang Islam yang Terkemuka

Musa bin Nusayr

Musa bin Nusayr, bukanlah seorang pahlawan yang menggempur musuh dan mengumpulkan sebanyak-banyak rampasan perang, tetapi ia seorang pahlawan Islam dari kalangan (orang-orang tabiin) yang telah menurut jejak sahabat-sahabat Nabi dengan cara sebaik-baiknya. Ia seorang mubaligh yang menyuarakan Islam dalam sebuah negeri – negeri Barbar di Afrika Utara – yang telah kukuh di dalamnya penyembahan berhala dan diperintahkan oleh raja perempuan ahli sihir.

Musa bin Nusayr telah meletakkan beberapa belas ribu orang Arab dalam kalangan orang-orang Barbar di Afrika Utara untuk mengajar mereka membaca Qur'an, mendidik mereka dengan akhlak dan kebudayaan Islam, dan mendalami pengetahuan mereka dengan ilmu dan hukum-hukum Islam.

Demikian kata al-ustaz Muḥammad ‘Abd al-Ghanī Ḥasan, Mesir, dalam bukunya (Musa bin Nusayr).

Terjemahan: Abdullah Basmeh

Pada tahun yang ke sembilan belas Hijriah, dalam zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭāb *radīya Allahu ‘anhu*, lahir seorang kanak-kanak di tanah Arab, yang telah ditakdirkan oleh Allah ‘Azza wa Jalla untuk membuka sebuah negeri baharu untuk Islam di benua Eropah.

Kanak-kanak ini ialah Musa bin Nusayr.

Ahli-ahli sejarah berselisih tentang asal usul keturunannya. Setengahnya mengatakan ia berbangsa Arab dari kabilah Bakr bin Wā'il, dan setengahnya mengatakan ia berasal dari orang-orang tawanan (yang bukan Arab) yang telah ditawan dalam perperangan di antara orang Arab dengan Parsi.

Mereka mengatakan bapanya ialah (Nusayr) yang telah ditawan oleh pahlawan Islam Khālid bin al-Walīd *radīya Allahu ‘anhu*,

di medan perang ('Ayn al-Tamr) di sebelah barat laut daerah

Kufah (yang terletak sekarang dalam negeri Iraq).

Sebenarnya perselisihan riwayat tentang asal usul pahlawan Islam Musa bin Nusayr ini tidak akan dapat mengubah segala perkara yang benar yang telah dilakukannya sesudah itu sebagaimana yang telah tercatit dalam lipatan sejarah.

Ayahnya ialah (Nusayr) salah seorang panglima Islam yang telah dilantik oleh Mu‘awiyyah bin Abī Sufyān dalam tentera Bani Umayyah. Nusayr mempunyai kedudukan yang rapat dengan Mu‘awiyyah, tetapi ia bukanlah daripada orang-orang yang sukakan meluaskan perbalahan di antara Mu‘awiyyah dengan Saiyidinā ‘Alī, untuk menahan pertumpahan darah orang-orang Islam sesama sendiri, dan untuk menjaga persatuan mereka jangan

pecah belah. Ketika itu, kita lihat orang-orang Mu‘awiyyah segera keluar bersama-sama dengan Mu‘awiyah (untuk pergi melawan Saiyidinā ‘Alī yang telah terpilih menjadi khalifah), sedang Nusayr enggan menurut sehingga ia dipanggil oleh Mu‘awiyyah lalu berkata kepadanya:

“Hai Abū Musa (yakni Nusayr), mengapa kamu enggan keluar bersama-sama aku untuk berperang (dengan ‘Alī), sedang aku telah berbudi kepadamu dan belum pula kamu membalaunya”

Nusayr tidak kehilangan sifat berani dan berterus terang, walaupun ia sedia mengetahui akan bahaya yang menimpanya jika ia bertindak membantah. Ia pun menjawab:

“Saya tak dapat menerima kasih kepada tuan dengan menderhaka kepada yang lebih patut saya bersyukur kepadanya!”

“Siapa dia?” bertanya Mu‘awiyyah.

Lalu dijawab oleh Nusayr dengan tegas:

“Allah ‘Azza wa Jalla”

Pada saat itu Mu‘awiyyah tidak dapat membuat apa-apa atau berkata sesuatu terhadap jawapan yang berani dan mesra dengan iman yang mendalam itu. Ia pun tunduk sebentar, kemudian mengangkat kepala sambil mengucap:

“Astaghfir Allāh al-‘Azīm! Astaghfir Allāh al-‘Azīm!”

Nusayr sedia mengetahui bahawa jawapannya itu harus akan menjadikan Mu‘awiyyah bukan alang kepalang marahnya, tetapi ia percaya dengan sepenuhnya bahawa amatlah salahnya perbuatan memerangi Saiyidinā ‘Alī, apatah lagi ia (Nusayr) dari orang-orang yang berterus terang, yang tidak takut apa-apa jua yang akan menimpa mereka dalam memperkatakan perkara yang benar. Ia juga tidak bimbang kerana ia percaya kepada Mu‘awiyyah yang penyabar dan lapang dada itu.

Sebenarnya Mu‘awiyyah sebagaimana yang disangka dengan baik oleh Nusayr. Mu‘awiyyah tidak marah dan tidak hilang sabarnya, tetapi ia telah beristighfar kepada Allah, dan kemudiannya menyatakan bersetuju akan tindakan Nusayr itu.

Katakanlah Musa bin Nusayr itu seorang Arab jati, atau seorang Arab dengan tanggungan (yakni orang yang berasal dari bangsa lain tetapi dilindungi oleh orang Arab dan memakai nama keluarga Arab – P), maka hubungan ayahnya (Nusayr) dan hubungannya sendiri dengan ‘Abd al-‘Azīz bin Marwān (saudara Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān – dari Bani Umayyah) sangatlah teguhnya. Musa telah dididik di rumah tangga ‘Abd al-‘Azīz, dan perhubungan keduanya telah mesra. Tatkala ((Um al-Banīn)) binti ‘Abd al-‘Azīz berkahwin dengan sepupunya al-Walīd bin Abd al-Malik maka Musa lah yang ditugaskan oleh ‘Abd al-‘Azīz supaya mengetuai rombongan pengantin perempuan ketika dihantarkan kepada suaminya di Damsyik. Ia mendapat kepercayaan dan sokongan daripada Um al-Banīn sehingga mendapat kedudukan yang rapat dengan suaminya Al-Walīd bin ‘Abd al-Malik yang kemudiannya menjadi khalifah. Musa, akhirnya telah dilantik oleh Khalifah Al-Walīd menjadi panglima perang yang memimpin tentera Islam di Afrika Utara dalam tahun 88 Hijriah.

Jawatannya yang baharu ini, ialah jalan yang telah dilalui oleh Musa bin Nusayr ke negeri Sepanyol setelah ia menghantarkan pahlawan Islam Tariq bin Ziyad menggempurkan tentera Sepanyol. Berkibarlah bendera Islam di negeri yang indah di benua Eropah itu, dan berkekalanlah negara Islam itu sepanjang 800 tahun lamanya, sehingga matahari Islam di sana tenggelam dan hilang dari pandangan.

Musa bin Nusayr di Afrika

Perhubungan Musa bin Nusayr dengan ‘Abd Al-‘Azīz bin Marwan ialah jalan yang pertama bagi Musa mencapai kebesaran yang sedang menunggunya. Dalam zaman Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān (saudara kepada ‘Abd al-Azīz), Musa telah mendapat kedudukan yang utama, demikian jamga¹ dalam zaman Khalifah Al-Walīd bin ‘Abd al-Malik, yang telah mengantikan ayahandanya dalam tahun 86 Hijriah.

Musa bin Nusayr telah dilantik menjadi pemungut hasil negeri, di daerah Busrah, dalam zaman Khalifah Abd al-Malik. Sebelum itu hasil yang dipungut di situ banyak jumlahnya tetapi telah berkurangan dalam masa Musa memegang jawatan itu. Ini menyebabkan Musa dituduh oleh penentangnya bahawa ia telah menggelapkan hak kerajaan dan tidak menghantarkan kepada Khalifah sebagaimana yang sepatutnya.

Musa terasa bahawa Al-Hajjāj bin Yūsuf, yang kejam, (Pesuruhjaya negeri Iraq dalam kerajaan Banī Umayyah) sedang mencari jalan untuk menangkapnya. Musa pun segera keluar dari Busrah lalu mencari tempat perlindungan yang selamat. Tempat perlindungan yang dituju ialah ‘Abd al-‘Azīz bin Marwan yang telah melindungi dan mendidiknya dahulu, yang menjadi Pesuruhjaya Mesir dari pihak saudaranya Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwan.

‘Abd al-‘Azīz tidak mengecewakannya bahkan telah membawanya belseyar bersama ke Damsyik – ibu negeri kerajaan Banī Umayyah – untuk mengadap Khalifah ‘Abd al-Malik.

Bertanyalah Khalifah ‘Abd al-Malik kepada Musa bin Nusayr: “Nampaknya tidak ada siapa-siapa yang tinggal lagi melainkan kamu pula, wahai pengikut suku Banī Bakr bin Wā’īl, yang telah berani berleluasa mengambil dari hasil negeri yang sampai di tanganmu?”

“Ya Amīr al-Mū’minīn, tidak ada sesuatu telah sampai di tangan saya selain daripada apa yang saya yang hantarkan kepada Amīr al-Mū’minīn”. Jawab Musa.

“Tetapi hasil negeri (dari Basrah) tahun ini, wahai Musa, telah berkurangan sebanyak seratus ribu dinar, berbanding dengan apa yang didapati sebelumnya, oleh itu masih ada bakinya dalam tanggunganmu” kata Khalifah.

“Bagaimana pula dihitungkan kepada saya, ya Amīr al-Mū’minīn, sesuatu yang tidak sampai di tangan saya? Jawab Musa lagi.

Panjanglah soal jawab di antara Musa bin Nusayr dengan Khalifah yang berkeras memaksa Musa memberi ganti segala yang kurang itu. Akhirnya ‘Abd al-‘Azīz tampil menjamin bahawa ia sedia memberi separuh daripada ganti rugi yang dikenakan kepada Musa, lalu memberinya dengan sukarela dan kembali bersama-sama dengan Musa ke Mesir, untuk diberikan suatu jawatan yang lain.

‘Abd al-‘Azīz bin Marwan yang menjadi Pesuruhjaya Mesir itu seorang yang bersifat takwa, kuat beribadat dan pemurah. Sehingga ahli-ahli syair tak putus-putus datang mengadap untuk memuji-mujinya. ‘Abd al-‘Azīz juga ialah ayah kepada Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz, khalifah yang masyhur tentang soleh dan adilnya, yang menyerupai Saiyidinā ‘Umar bin al-Khatāb.

Ábd al-‘Azīz sangat-sangat bertimbang rasa kepada Musa bin Nusayr dan meletakkan harap kepadanya untuk menjalankan satu perkara yang besar untuk Islam dan umat Islam. Ia pun dilantik menjadi ketua daerah di Afrika Utara untuk menindas penderhaka-penderhaka dari kaum ((Barbar)) dan

Sambungannya pada muka 38

¹ Perkataan sebenar ialah juga